

No. Sebut Harga: **JKKP/SH/PELUPUSAN/2/2022**

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

PELUPUSAN ASET ALIH

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia
Aras 1, 3, 4 & 5, Blok D4, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62530 Wilayah Persekutuan Putrajaya

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

Bil.	Keterangan Aset	Nombor Pendaftaran Kenderaan	Kuantiti
1.	Naza Sorento 2.5 EX	PUTRAJAYA 9284	1


2. Aset boleh dilihat pada **24 November 2022 (Khamis)** hingga **28 November 2022 (Isnin)** di antara jam 10.00 pagi hingga 3.00 petang di **Tempat Letak Kenderaan Bawah Tanah, Kompleks D4** pada hari bekerja sahaja.
3. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-28) yang boleh diperoleh di alamat seperti di para 4. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.
4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan di tanda No. Sebut Harga **JKKP/SH/PELUPUSAN/2/2022** dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di alamat:-

Ketua Pengarah
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia
Aras 5, Blok D4, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62530 Putrajaya

5. Tarikh tutup sebut harga pada **30 November 2022 (Rabu)**, jam 12.00 tengah hari. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.

6. Sebarang pertanyaan boleh berhubung dengan pihak urus setia di talian berikut:

- i. Pn. Farah Naquiah binti Ahmad 03-8886 6472
- ii. En. Mohd Norhisham bin Mohd Shah 03-8886 5348



(MOHD ANUAR BIN EMBI)

Alamat : Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia
Aras 5, Blok D4, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62530 Putrajaya

Tarikh : 22.11.2022

Cop : **MOHD ANUAR BIN EMBI**
Ketua Pengarah
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
Malaysia



SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebut harga diwajibkan untuk mengemukakan dokumen sokongan berikut:
 - i. Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);
 - ii. Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran Syarikat (Kementerian Kewangan) dan
 - iii. Salinan Penyata Bank untuk tiga (3) bulan terkini – Ogos, September dan Oktober 2022.
3. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM5,000 mengikut mana yang terendah. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk Wang Pos atau Draf Bank sahaja atas nama **Ketua Pengarah, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan**.
4. Tawaran tanpa/ kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
5. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is/where-is basis*).
6. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
7. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya **hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri**.
8. Pembeli yang berjaya hendaklah **membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahu keputusan**. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
9. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset tersebut.